

Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Perlawanan bola sepak itu akan tamat pada _____ masa sahaja.
A apa-apa C mana-mana
B bila-bila D siapa-siapa
2. _____ tujuan program khidmat bakti ini diadakan oleh pihak penganjur?
A Apakah C Bagaimanakah
B Di manakah D Mengapakah
3. Encik Muthu akan ke India, esok. Dia akan berada di _____ selama lima hari.
A situ C sana
B sini D mana
4. "Ambillah _____ baju yang kamu suka," kata ibu kepada anak yatim itu.
A apa-apa C mana-mana
B sesiapa D mana
5. "_____ yang belum berdaftar, sila ke kaunter dulu sebelum masuk ke dewan," kata Cikgu Halim.
A Siapa C Mana-mana
B Mana D Siapa-siapa
6. Adakah _____ yang ingin menyertai motivasi ini?
A siapa C mana-mana
B sesiapa D apa-apa

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. "Shima, mari ke situ," jerit Azlina sambil melambai-lambaikan tangannya ke arah Shima.

2. "Sudahkah kamu mengambil borang itu?" tanya Cikgu Salamah sambil menghulurkan sekeping kertas kepada muridnya.

3. "Tiada apa yang boleh kita lakukan kerana nasi sudah menjadi bubur," kata Pak Cik Baharum kepada anaknya.

4. "Ayah hendak mengambil datuk dan nenek di kampung. Mereka akan tinggal di situ selama beberapa bulan," kata Encik Faris kepada anak-anaknya.

5. Bila-bila barang yang tidak digunakan lagi hendaklah dibuang supaya rumah kelihatan kemas dan bersih.

6. "Barangkali ada orang yang memindahkan beg itu dari situ," kata Mira sambil mengambil beg tangannya.
